

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 8 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 16

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1521-L18694

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menambah baik infrastruktur dan kemudahan serta memperkasa tenaga kerja di Kompleks-kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) sepanjang sempadan Malaysia - Indonesia termasuk di CIQ Lubok Antu.

2. PR-1521-L18672

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [Alor Setar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah solusi untuk pengusaha-pengusaha perkhidmatan sewaan kenderaan mikromobiliti yang terjejas pendapatan mereka akibat penguatkuasaan undang-undang larangan penggunaan kenderaan mikromobiliti di atas jalan raya.

3. PR-1521-L18221

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam mengatasi masalah kesihatan mental yang dialami oleh golongan muda dan juga warga emas di Malaysia.

4. PR-1521-L19083

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat:-

- (a) melaksanakan pemberian subsidi perumahan kepada pembeli rumah pertama dalam kalangan rakyat B40 dan M40; dan

- (b) memperluas Skim Pembiayaan *Rent-To-Own* (RTO) kepada semua pembeli rumah pertama tidak terhad kepada pembeli kediaman projek perumahan PR1MA sahaja.
5. PR-1521-L18666
Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah respon pelbagai industri dan pasaran terhadap *Voluntary Carbon Trading* (VCM).
6. PR-1521-L17990
Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjung Karang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan kerana kebergantungan kepada peruntukan 2.56% GDP adalah tidak lestari dan sukar untuk diperkasakan sistem kesihatan Malaysia bagi memenuhi keperluan rakyat.
7. PR-1521-L18604
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan stigma bahawa TVET adalah pendidikan kelas kedua bukan sahaja masih utuh dalam fikiran masyarakat malahan ia terbawa-bawa ke alam pekerjaan. Bagaimana Kementerian ingin mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar lepasan TVET untuk memasuki alam pekerjaan tanpa berlaku diskriminasi tangga gaji untuk lepasan TVET.
8. PR-1521-L19024
Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk membatalkan projek tambakan laut Penang South Island yang telah gagal memenuhi garis panduan *Environment Impact Assessment, Social Impact Assessment* dan sebagainya; dan
- (b) kesan dan akibat jika projek ini diteruskan.
9. PR-1521-L18428
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan komitmen Kementerian untuk menyahjenayahkan kesalahan dadah kecil dalam usaha mengurangkan populasi banduan penjara di Malaysia.

10. PR-1521-L19326

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam di seluruh negara dalam jangka masa 5 tahun yang akan datang.

11. PR-1521-L18843

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan prospek pembangunan fasiliti sukan yang sedang ditumpukan khususnya di Parlimen Segamat yang masih menantikan pembangunan sekurang-kurangnya sebuah kompleks sukan yang dilengkapi dengan fasiliti-fasiliti sukan serta rekreasi untuk dimanfaatkan oleh rakyat dari pelbagai peringkat umur dan kecenderungan sukan.

12. PR-1521-L19130

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan trend jumlah kes jangkitan COVID-19 bagi tempoh sebulan pertama tahun 2023 dan apakah langkah diambil Kementerian untuk pastikan rakyat mendapatkan suntikan dos penggalak vaksin COVID-19.

13. PR-1521-L18245

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan untuk membina sebuah kompleks sukan di daerah Tanjung Manis. Kompleks ini sangat diperlukan untuk memperkasakan lagi aktiviti sukan dan mencungkil bakat atlet baharu di kawasan ini.

14. PR-1521-L19149

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian berhasrat untuk mengadakan pameran awam sebagai sebahagian daripada laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) bagi menjamin ketelusan sebelum sesuatu projek pembangunan diluluskan.

15. PR-1521-L18307

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status memulihkan pengecualian kabotaj untuk syarikat berteknologi tinggi memperbaiki kabel dasar laut demi mengembalikan keyakinan pelabur dan menarik pelaburan berteknologi digital yang tinggi.

16. PR-1521-L18875

Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan inisiatif yang diambil bagi memperluaskan aktiviti kaunseling dan terapi psikologi bagi menangani ketagihan berjudi dalam kalangan masyarakat.

17. PR-1521-L19305

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik bilangan individu yang disiasat, didakwa dan disabitkan bagi di bawah Seksyen 9 Akta Perhimpunan Aman 2012 setakat ini mengikut tahun.

18. PR-1521-L18701

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam mempercepat proses pengambilan buruh asing sekitar 54,000 orang bagi menampung keperluan dalam sektor perladangan serta mengelakkan kerugian yang ditanggung dalam anggaran RM10.46 bilion bagi sektor tersebut.

19. PR-1521-L17973

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Kementerian akan meluluskan baki permohonan dan peruntukan bagi Projek Penyelenggaraan Perumahan (PPP) dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) melibatkan 157 kerja dengan nilai RM126.3 juta yang dipohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022.

20. PR-1521-L18157

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa peruntukan yang disalurkan kepada KEDA untuk program baik pulih rumah-rumah KEDA dan program bantuan bina rumah rakyat miskin bagi tahun 2020 hingga 2022.

21. PR-1521-L18461

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah atau pendekatan baru yang akan dilaksanakan untuk menggalakkan vaksinasi dalam kalangan kanak-kanak, memandangkan kadar vaksinasi ketika PICKids dilaksanakan hanya sekitar 50%. Apakah Kerajaan bersedia melaksanakan satu lagi kempen vaksinasi besar-besaran khas untuk kanak-kanak, dengan penglibatan sekolah dan tadika.

22. PR-1521-L19250

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan penjelasan berkaitan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP):-

- (a) apakah skop tugas, peranan dan bidang kuasa yang ditetapkan kepada JPKKP serta adakah diselaraskan di semua negeri seluruh negara; dan
- (b) mengapa wujud perbezaan layanan di antara negeri yang diperintah Kerajaan dan pembangkang sedangkan JPKKP sedia ada di negeri yang diperintah Perikatan Nasional sudah teratur organisasinya mengendalikan keperluan rakyat pelbagai kaum dan agama.

23. PR-1521-L18326

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk projek *Opar Rural Growth Centre* yang pernah diluluskan dalam RMK-9 dan RMK-10 memandangkan projek tersebut diibaratkan projek sakit dan masih belum ada tanda-tanda pembinaan.

24. PR-1521-L18627

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada graduan perubatan di Amerika Syarikat yang telah lulus US Medical Licensing Examination (USMLE) dibenarkan diterima untuk '*housemanship*' dan kemudian dibenarkan mengamalkan profesion kedoktoran di Malaysia. Kalau tidak, kenapa.

25. PR-1521-L18199

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) perincian kecukupan klinik kesihatan yang ada di seluruh negara dan kriteria yang digunakan untuk menambah bilangan sedia ada ; dan
- (b) rancangan penambahan bilangan klinik di daerah Petaling dan negeri Selangor.

26. PR-1521-L19387

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang tergenda terutama di Johor dan puncanya.

27. PR-1521-L19376

Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana kajian yang telah dilaksanakan mengenai unjuran tindak balas pasaran harta tanah kesan peningkatan pembinaan rumah mampu milik oleh Kementerian, dalam situasi lambakan rumah tidak terjual pada waktunya ini.

28. PR-1521-L19392

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status Projek Bekalan Air Luar Bandar Puncak Borneo Fasa Dua dan bilakah ia akan dilaksanakan.

29. PR-1521-L18737

Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan statistik kesalahan jenayah dan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh pendatang asing mengikut negara.

30. PR-1521-L19424

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan serta garis masa Kementerian ke arah pewartaan perjawatan bagi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Wangsa Maju memandangkan Wangsa Maju adalah satu kawasan Parlimen yang mempunyai kepadatan penduduk sekilometer persegi yang tertinggi di Malaysia.

31. PR-1521-L18755

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meneruskan projek Hospital Kampar baru memandangkan RM416 juta telah diluluskan dalam bajet 2020 dan tapak baharu di Kampung Changkat Baru telah diluluskan Kerajaan Negeri.

32. PR-1521-L18092

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah untuk mengatasi pengurusan sampah industri di Parlimen Tanjung Piai yang tidak termasuk dalam tanggungjawab konsesi pengurusan sampah Pihak Berkuasa Tempatan dan menjadi tanggungjawab industri mengurusnya sendiri walaupun pihak industri membayar cukai menjadikan pihak industri merasa tidak adil dan membebankan mereka.

33. PR-1521-L18145

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meneruskan cadangan Kerajaan ketika itu (2013 - 2018) untuk membina Pusat Rehabilitasi di Serian bagi negeri Sabah dan Sarawak.

34. PR-1521-L18544

Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bila agaknya pembinaan Hospital Lawas baru yang lama tergendala dapat disiapkan dan apa jaminan ianya akan disediakan dengan kemudahan doktor-doktor pakar penyakit kronik seperti pakar bedah dan pakar lainnya.

35. PR-1521-L18961

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan meminta Jabatan Perkhidmatan Awam mempertimbangkan agar elauan kritikal diberi juga kepada jurupulih fisioterapi dan jurupulih cara kerja seperti mana ia diberi kepada para doktor dan jururawat atas sebab risiko pekerjaan.

36. PR-1521-L17963

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah balai bomba akan dibina di Kundasang memandangkan tapak untuk pembinaan balai bomba ini sudah pun dikenal pasti lokasinya.

37. PR-1521-L18606

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan, jumlah kelulusan serta alasan penolakan permohonan warganegara oleh individu tanpa kewarganegaraan (*stateless*) mengikut pecahan jantina dan kaum (iaitu Melayu, Cina, India, Bumiputera bukan Melayu Semenanjung, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan lain-lain) dari tahun 2012 hingga tahun 2022.

38. PR-1521-L18479

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan komitmen Kementerian untuk membina dan menaik taraf jaringan jalan raya luar bandar dan jalan perhubungan desa di Sabah, khususnya di Parlimen Kudat yang jauh ketinggalan dalam arus pembangunan di mana kebanyakan jalan utama kampung tersebut hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda.

39. PR-1521-L18870

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan keselamatan semasa bertugas oleh anggota AADK ketika membuat operasi penguatkuasaan dan tangkapan dilaksanakan.

40. PR-1521-L18987

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah pam-pam bergerak yang disediakan di bawah Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) bagi mengurangkan risiko banjir terutama di kawasan sawah padi.

41. PR-1521-L18035

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan dan pendirian Kerajaan dalam menaik taraf Hospital Miri kepada Hospital Utara Wilayah Sarawak setaraf hospital di setiap ibu negeri dan mempunyai perkhidmatan dan kelengkapan sepenuhnya termasuk rawatan kanser dan penyakit jantung.

42. PR-1521-L18817

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan pelan perancangan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan yang berisiko khususnya kawasan yang berhampiran dengan sungai.

43. PR-1521-L18523

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status permohonan projek membina 500 unit Perumahan Rakyat (PPR) Fasa 2 Batu Putih dalam Parlimen Libaran dan 500 unit Projek PPR Fasa 2 Taman Harmoni di Parlimen Sandakan.

44. PR-1521-L18293

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan dan langkah Kementerian yang telah diambil untuk mengelakkan banjir kilat yang sering berlaku ke atas kampung sekitar Bukit Payong selepas pembinaan penempatan pembuangan sampah di bukit berkenaan khasnya Kampung Mohd Nor, Batu 5, Parit Sulong.

45. PR-1521-L18235

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam menangani kos untuk mendapatkan lesen memandu kenderaan yang sangat mahal bagi kawasan luar bandar terutama kawasan Kota Marudu. Apakah Kementerian melalui Jabatan Pengangkutan Jalan mempunyai perancangan untuk menstruktur kos bagi kemudahan mendapatkan lesen memandu terutama rakyat di kawasan luar bandar.

46. PR-1521-L17945

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan doktor di hospital-hospital Kerajaan sekarang.

47. PR-1521-L18310

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini pembinaan Jalan Sayap – Terintidon - Talungan, Jalan Lahanas – Gandukut - Tangkurus dan Jalan Dudar – Taburon - Mandawang di Parlimen Kota Belud serta kos yang terlibat.

48. PR-1521-L19029

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jalan penyelesaian bagaimana Malaysia tidak lagi kehilangan tenaga kerja berkemahiran tinggi serta isu taraf gaji yang masih lagi membelenggu rakyat Malaysia.

49. PR-1521-L18275

Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian dalam menyediakan kemudahan teknologi terkini kepada setiap institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memenuhi tahap kebolehpasaran graduan TVET sebagai tenaga kerja berkemahiran tinggi .

50. PR-1521-L19261

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) perancangan Kerajaan untuk membangunkan Industri Perlombongan Unsur Nadir Bumi Radioaktif (NR-REE) secara holistik di negara ini ; dan

- (b) adakah status SOP Perlombongan NR-REE telah dimuktamadkan oleh jawatankuasa eksekutif berikutan satu projek perintis di mukim Kenering, daerah Hulu Perak di negeri Perak yang telah dijalankan pada tahun lepas .
51. PR-1521-L18783
Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja asing yang diperlukan dalam semua sektor di Malaysia serta pecahan dan apakah tindakan Kerajaan dalam memastikan proses pengambilan pekerja asing lebih telus dan mematuhi ketetapan *International Labour Organisation (ILO)*.
52. PR-1521-L19078
Tuan Gobind Singh Deo [Damansara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan terhadap individu-individu yang telah membuat ugutan bunuh terhadap YAA Ketua Hakim Negara berkait kes Datuk Seri Najib Razak.
53. PR-1521-L18574
Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-
- (a) tindakan komprehensif Kementerian untuk mengatasi masalah banjir berulang di Meru, Sementa dan Selat Klang; dan
 - (b) perincikan kos dan masa dijangka siap projek.
54. PR-1521-L18455
Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jangkaan pihak Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) bagi menyelesaikan isu yang terdapat di Taman Apas Permai dan Taman Ranggu Prima dan bilakah kawasan perumahan tersebut dapat diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).
55. PR-1521-L18481
Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bagaimana komitmen Kementerian untuk aktif dalam inisiatif global menjunjung '*environmental justice*' sama ada dalam bentuk '*distributive justice*', '*procedural justice*' atau '*recognition justice*' melalui penggubalan dan pelaksanaan undang-undang di samping membentangkan status *Strategic Plan 2020 - 2030: Environmental Sustainability in Malaysia*.

56. PR-1521-L18554

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk menambah bilangan mesin dialisis di Hospital Daerah Tenom, dan mewujudkan rawatan mesin dialisis di daerah kecil Kemabong memandangkan wujud permintaan yang sangat tinggi di kedua-dua kawasan ini.

57. PR-1521-L18805

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan usaha dalam memastikan kemampunan projek mega Maharani Energy Gateway supaya dapat dimanfaatkan oleh penduduk sekitar Muar terutama sekali bagi kumpulan sasar nelayan yang terjejas pendapatan mereka. Apakah langkah Kementerian untuk memastikan golongan yang terjejas ini mendapat pampasan yang setimpal.

58. PR-1521-L19095

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang telah dan akan diambil untuk mengurangkan risiko banjir, yang sering dihadapi di negeri Kelantan terutamanya di jajahan Jeli, Rantau Panjang, Pasir Mas dan Tumpat.

59. PR-1521-L18759

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah dan kos baik pulih untuk menyelesaikan isu runtuhan tebing di Pulau Besar, Tumpat untuk memelihara kelestarian alam sekitar di samping memenuhi keperluan gugusan 12 pulau.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 2/2023) Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 – **Menyambung semula perbahasaan atas masalah," Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (7 Mac 2023)**

DAN

Usul dibuat oleh YAB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :

“Bahawa Dewan ini, menurut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh sembilan bilion ringgit (RM99,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2023, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 2022 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2023 adalah dibatalkan dan hendaklah disahkan.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (7 Mac 2023)

2. (D.R 1/2023) Rang Undang-Undang Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Dalam Negeri]

3. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan perenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) membuat pelaburan dengan menukar baki pinjaman Kerajaan Malaysia sebanyak RM165,282,814.00 kepada UDA Holding Berhad (UDA), sebuah syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuti (modal saham) bersamaan Seratus Enam Puluh Lima Juta Dua Ratus Lapan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Empat Belas (165,282,814) unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham.”

4. PR-1521-U(27)231

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia - Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakkan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

5. PR-1521-U(27)232

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

6. PR-1521-U(27)233

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

7. PR-1521-U(27)234

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepatkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

[Menteri Ekonomi]

8. PR-1521-U(27)235

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan sering kali mendarangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

9. PR-1521-U(27)236

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

[Perdana Menteri]

10. PR-1521-U(27)237

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

11. PR-1521-U(27)238

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme*. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme* di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati."

[Menteri Komunikasi dan Digital]

12. PR-1521-U(27)239

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

13. PR-1521-U(27)240

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

14. PR-1521-U(27)241

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

[Perdana Menteri]

15. PR-1521-U(27)242

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi Bajet 2023. Dalam ucapan Bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepat saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

16. PR-1521-U(27)243

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

17. PR-1521-U(27)244

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

18. PR-1521-U(27)245

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejahtera 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1521-U(27)225

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) 2009, seiring dengan cadangan serta titah Majlis Raja – Raja Melayu, demi memastikan pelantikan lima daripada sembilan ahli JAC tidak lagi dilakukan oleh Perdana Menteri. Bergerak ke hadapan, adalah wajar untuk Kerajaan Perpaduan meminda Akta JAC 2009 dan Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan bagi menghentikan campur tangan eksekutif yang hanya mengikut selera politik semata-mata dalam isu pelantikan hakim, sekali gus dapat mewujudkan kebebasan sistem kehakiman serta menjunjung keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang di dalam Malaysia sepertimana yang terkandung dalam Rukun Negara.

Sebelum ini, negara telah dikejutkan dengan pendedahan oleh mantan Tan Sri Peguam Negara di dalam buku tulisannya yang berjudul, "*My Story: Justice in Wilderness*", yang nyata bertentangan dengan laungan Kedaulatan Undang-undang atau "*Rule of Law*", oleh Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-7. Berdasarkan penulisan beliau, terdapat pelbagai dakwaan mengenai isu pelantikan hakim, campur tangan didalam sistem kehakiman, pendakwaan politik, serta pelbagai pendedahan yang menerbitkan seribu satu persoalan. Pendedahan daripada mantan Tan Sri Peguam Negara tersebut amat membimbangkan, menimbulkan rasa syak wasangka dan persoalan terhadap sistem keadilan, dan juga kepincangan atas doktrin, dengan izin, "*separation of power*" atau pengasingan kuasa di dalam negara kita.

Justeru, saya menyambut baik kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang menyatakan bahawa, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk meneliti mengenai perkara tersebut. Namun, saya fikirkan Kerajaan tidak sepatutnya sekadar berhenti di situ sahaja. Sebaliknya perlu meminda JAC 2009 bagi merealisasikan hasrat murni Kerajaan terutamanya dalam urus tadbir yang baik atau '*good governance*'."

[Perdana Menteri]

20. PR-1521-U(27)226

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap harga maksimum telur ayam yang berkuat kuasa pada 12 Oktober 2022 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan menaikkan harga kawalan telur tempatan dari RM0.41 ke RM0.50 sebiji, iaitu pada paras harga yang sama dengan harga telur import dari India. Di samping itu, Kementerian juga boleh mewujudkan "elaun telur secara *top-up*" kepada golongan B40 dengan menampung selisih harga telur sebanyak RM0.09 (RM0.41 -RM0.50) sebiji. Langkah ini boleh meringankan bebanan kewangan keluarga B40 dan turut membantu penternak tempatan mengatasi masalah kos operasi yang meningkat, sekali gus mengatasi masalah kekurangan bekalan telur ayam. Seandainya elaun telur sebanyak RM200 setahun diberikan kepada golongan B40, banyak telur yang boleh dimakan oleh keluarga B40.

Kementerian seharusnya mengutamakan penternak tempatan semasa menangani masalah kekurangan bekalan telur ayam. Ramai penternak atau pengusaha ladang ayam telur terpaksa menampung kos operasi yang tinggi mengeluarkan telur. Kos untuk menghasilkan sebiji telur ayam di ladang kini mencecah RM0.45 sebiji, di mana sebahagian besarnya membabitkan penghasilan makanan ayam. Menurut Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam Dan Telur oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Disember 2022, purata kos pengeluaran di peringkat ladang bagi telur adalah RM0.48 sebiji pada September 2022. Penternak tempatan rugi kerana telur tempatan hanya boleh dijual dengan RM0.41 sebiji kerana ada kawalan harga, sedangkan kos menghasilkan sebiji telur telah pun melebihi paras harga tersebut. Kalau rugi, penternak tidak akan membela ayam untuk menghasilkan telur.

Malahan, telur import dari India dijual dengan RM0.50 sebiji, jika Kementerian memansuhkan kawalan harga, harga jualan telur tempatan juga lebih kurang sama iaitu kira-kira RM0.50 sebiji. Maka, cadangan untuk meminda harga kawalan telur tempatan ke RM0.50 sebiji bakal membantu rakyat dan penternak tempatan. Langkah tersebut boleh menjana ekonomi domestik dari sudut penyediaan peluang pekerjaan dan pembayaran cukai dari pihak penternak, kebersihan dan keselamatan telur ayam, kemudahan logistik, penyeliaan dan pembekalan berbanding dengan langkah mengimport telur dari India.

Justeru, Kementerian wajar mempertimbangkan cadangan pindaan kawalan harga telur supaya rakyat dan penternak tempatan tidak lagi terjejas dalam masalah kekurangan bekalan telur yang berpanjangan ini. Elaun telur kepada golongan B40 juga boleh memastikan rakyat terus berkemampuan menikmati makanan asas ini tanpa terjejas oleh kenaikan harga kawalan telur. Telur dan ayam adalah makanan asas rakyat tanpa mengira kaum atau agama, perkara ini harus dijadikan keutamaan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

21. PR-1521-U(27)227

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan langkah-langkah Kerajaan dalam menghadapi Kemelesetan Ekonomi Global pada 2023 seperti yang diramalkan oleh pelbagai institusi kewangan dalam dan luar negara.

Menurut kajian yang dibuat oleh Bank Dunia; dalam menghadapi risiko, di mana bank-bank negara di seluruh dunia telah dan akan secara serentak menaikkan kadar faedah secara mendadak. Kesannya, seluruh dunia akan menghadapi krisis ekonomi dan bakal menuju kepada krisis kewangan yang semestinya akan memberikan impak negatif yang berpanjangan.

Pelbagai kajian dasar, pakej rangsangan dan langkah diplomatik perlu dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan negara kita kalis krisis ini dan membolehkan rakyat hidup dalam kestabilan ekonomi yang optimum. Selain itu, krisis ekonomi secara global juga dijangka akan membawa kepada kemerosotan KDNK sebanyak 0.5 peratus pada 2023.

Pertumbuhan ekonomi mesti dipertingkatkan supaya negara kita boleh mencapai penkuhan nilai mata wang dan menarik lebih banyak pelaburan yang strategik di mana akan menyumbang kepada peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti, pengukuhan pasaran modal dan mengurangkan kemiskinan rakyat. "

[Menteri Ekonomi]

22. PR-1521-U(27)228

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas di peringkat jemaah menteri bagi membuat kajian dan perancangan dalam membasmi kemiskinan golongan nelayan. Mengikut rekod lalu yang dibuat, bincian daripada SENDI-LKIM (2008-2017) mendapati bahawa para nelayan hanya memperoleh pendapatan melebihi RM1,200 sahaja. Meskipun Kerajaan sudah menyediakan peruntukan kepada nelayan melalui Elaun Sara Hidup Bantuan Nelayan dan Skim Subsidi Petrol, namun dengan peningkatan kos sara hidup dan keterbatasan akses kepada kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan telah menyukarkan dan membebankan para nelayan yang berada di kawasan luar bandar. Tahun 2022, sejumlah RM7 juta diperuntukkan kepada LKIM sebagai modal pusingan pembelian ikan tempatan sebanyak 1,000 tan metrik yang akan ditempatkan di 130 bilik sejuk beku di seluruh negara untuk menghadapi musim tengkujuh. Permasalahan ini berlaku disebabkan penglibatan orang tengah yang menganiaya dan mengambil kesempatan atas usaha para

nelayan dengan memberi alasan hasil yang berkurangan disebabkan oleh cuaca buruk dan secara tidak langsung memberikan kesan negatif kepada rantai sekuriti makanan negara. Penerangan yang jelas kepada sistem penyaluran bantuan Kerajaan juga harus ditambah baik terutamanya kepada golongan-golongan yang tidak mahir menggunakan kemudahan internet dan agensi berkaitan haruslah mencari nelayan yang masih belum berdaftar agar bantuan Kerajaan juga boleh dinikmati oleh mereka. Pokoknya, Kerajaan harus meneliti dan menggali dengan lebih mendalam tentang permasalahan yang dihadapi oleh para nelayan. Kita harus memperkasakan saluran bantuan Kerajaan agar tidak berlaku ketirisan dan aktiviti penyalahgunaan kuasa yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

23. PR-1521-U(27)229

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah pelan tindakan khas untuk menghadapi dan mengatasi krisis utiliti terutamanya tenaga elektrik dan bekalan air bersih serta apakah jangkaan kesan kepada rakyat apabila inisiatif Kerajaan mengurangkan pemberian subsidi utiliti.

Krisis tenaga elektrik berpunca dari harga bahan api sangat tinggi yang menyebabkan peningkatan mendadak kos penjanaan elektrik dan pelarasan tarif elektrik melalui mekanisme ICPT. Berdasarkan kepada kos penjanaan yang sangat tinggi ini, semua pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia sepatutnya dikenakan surcaj sebanyak 27 sen/kWj bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023 yang akan menyebabkan peningkatan kos sara hidup sekiranya dilepaskan kepada pengguna sepenuhnya. Sekiranya keseluruhan kos ICPT ditampung melalui subsidi, Kerajaan pula perlu menyediakan peruntukan yang sangat besar dan membebankan.

Krisis sumber air bersih diakibatkan oleh penebangan hutan secara berleluasa dan pembalakan yang tidak terkawal boleh memusnahkan "hutan awan" (*cloud forest*) yang akan mengakibatkan kehilangan sumber air yang berharga selain menyebabkan hakisan tanah dan menjelaskan kualiti sumber air. Pembuangan sampah dan sisa toksik industri juga menyumbang kepada pencemaran air sungai yang boleh menyebabkan masalah gangguan bekalan air tidak berjadual timbul dan menyukarkan rakyat dalam kehidupan seharian dan secara langsung menelan kos yang tinggi bagi meningkatkan tahap capaian bekalan air bersih, tambahan pula kerja-kerja penyelenggaraan dan penggantian peralatan secara berkala di loji rawatan air atau sistem agihan oleh operator bekalan air semestinya memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Oleh hal demikian jaminan tenaga dan air perlu dirangka dengan langkah yang selamat oleh Kerajaan dalam mencapai penggunaan utiliti yang mampan serta efisyen dengan penggunaan kos yang rendah serta pengenaan caj tidak membebankan rakyat. Pengalaman krisis tenaga yang dilalui oleh masyarakat di Eropah perlu diambil sebagai panduan dan perkara yang perlu dirujuk dalam membuat sebarang pertimbangan pada masa kini dan hadapan."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

24. PR-1521-U(27)230

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menukuhan sebuah Institut Rukun Negara bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model literasi perpaduan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi kaum akan dilihat semakin serius jika perancangan, penekanan dan pemantauan ini tidak dilakukan segera daripada peringkat awal pembelajaran dan ia tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda. Kesannya terhadap potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

[Menteri Perpaduan Negara]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2022</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 187	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Bagi Tahun 2020 (Telah Diaudit)	8 Mac 2023
ST. 188	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Bagi Tahun 2020 (Telah Diaudit)	8 Mac 2023
<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 49	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2020 (Telah Diaudit)	8 Mac 2023

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 08.03.2023 (Rabu)	1. YB Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden (Alor Setar)	1. Pembangunan Sungai Kedah Sebagai Destinasi Pelancongan	1. YB Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya
2. 08.03.2023 (Rabu)	2. YB Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden (Alor Setar)	2. Pembinaan Laluan Pejalan Kaki Di Kawasan 'Laluan Warisan'	2. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
3. 08.03.2023 (Rabu)	3. YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi (Kuala Kedah)	3. Dana dan Baik Pulih Penyelenggaraan Jentera APM	3. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**